



Pakistan iktiraf Perdana Menteri ke-7

SelangorKini - 28/3/2019

Dr Mahathir dinobatkan sebagai negarawan dunia Islam

m/s: 9

ISLAMABAD - Perdana Menteri Pakistan, Imran Khan, menyifatkan rakan sejawatnya, Perdana Menteri Malaysia, Tun Dr Mahathir Mohamad sebagai negarawan Islam yang sudah merubah Malaysia menjadi sebuah model teladan untuk dunia Islam.

Beliau berkata, Pakistan bangga dengan cara Malaysia membangun dan meningkatkan taraf hidup rakyatnya, di bawah kepimpinan Dr Mahathir.

"Kami mengikuti rapat kerana Pakistan sentiasa memiliki hubungan baik dengan Malaysia. Kami

mengagumi anda kerana itu," katanya pada sidang media bersama Dr Mahathir selepas perbincangan dua hala delegasi Malaysia-Pakistan, pada 22 Mac lalu.

Imran berkata, beliau dan Pakistan juga mengagumi Dr Mahathir kerana tegas dalam isu membabitkan dunia Islam tetapi malangnya amat sedikit pemimpin Islam bersikap seperti itu.

"Seperti memerangi keganasan, bagaimana ia sudah menjebarkan dunia Islam. Bagaimana Islamophobia menular, di dunia Barat. Bagaimana umat Islam dila-

yan disebabkan perjuangan politik yang mengeliru dan disengajakan.

"Apa juga jenayah yang dilakukan oleh seorang penganut Islam, maka keseluruhan 1.3 bilion umat Islam di seluruh dunia akan dipersalahkan dengan jenayah itu. Ini digambarkan oleh insiden pembunuhan di Christchurch, apabila seorang penganut Islam menembak mati orang yang tidak bersalah, wanita dan kanak-kanak di dalam masjid tanpa ada rasa kesal. Kami di dunia Islam sudah memerhatikan anda mengambil pendirian dalam hal yang membabitkan umat Islam," katanya.

Sementara itu, Imran berkata, dalam dunia Islam terdapat dua pemimpin yang menonjol dalam isu antarabangsa dan sudah mentransformasi masyarakat iaitu Dr Mahathir dan Presiden Turki sekarang, Recep Tayyip Erdogan.

"Kami sudah melihat Malaysia melalui transformasi dan bagaimana taraf hidup dan pendapatan per kapita rakyatnya meningkat. Kini tenaga kerja warganegara Pakistan sudah mula pergi ke Malaysia. Peluang-pekerjaan diwujudkan supaya tenaga kerja dari Pakistan akan

pergi ke Malaysia," katanya.

Beliau berkata, Dr Mahathir dan Erdogan adalah dua contoh teladan bagaimana kenegarawanan boleh merubah negara dan rakyat.

"Ketika krisis ekonomi melanda Asia Tenggara pada 1998, Malaysia adalah satu-satunya negara yang berjaya keluar daripada krisis itu menggunakan jalan penyelesaiannya sendiri. Kami, Pakistan, kini sedang menghadapi situasi ekonomi yang suka dan banyak yang perlu dilakukan untuk keluar daripada kesulitan ini," katanya.